

KONSEP *FIQH* DI DALAM PEMIKIRAN EKONOMI IMAM AL- GHAZĀLĪ

The Concept of fiqh in Economic Thought of al-Ghazālī

Mohd Shahid Mohd Noh*

ABSTRACT

Imam al-Ghazālī is a remarkable scholar in Islamic history with his expertise in theology, jurisprudence and mysticism. He also had contributed significantly in economic views even at micro level. His corpus in the concept of money, the theory of supply and demand and economic development are and worth notable to be observed and studied. This paper aims at identifying the concept of fiqh that influenced his economic thought through analyzing his main corpus in Uṣūl al-Fiqh namely, al-Mustaṣfā and al-Mankhūl. As a result, this study finds that his economic thought was really affected by his fiqh cognitive in the state of balancing between maslahah and mafsadah, ‘urf concept and his jurisprudence opinions extracted from his prominent books al-Tabr al-Masbūk dan Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn.

Keywords: *Al-Ghazālī, Islamic Economic Thought, Uṣūl Al-Fiqh, Fiqh*

* Senior Lecturer, Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur. shahid82@um.edu.my

PENDAHULUAN

Pemikiran Ekonomi Islam adalah satu bidang yang lama wujud di dalam karya-karya ulama dan cendekiawan sejak 1000 tahun yang lepas. Kemajuan pemikiran ekonomi yang ditunjukkan oleh Barat menerusi teori-teori yang pada peringkat permulaannya berbentuk falsafah dan idea telah diinspirasikan oleh beberapa tokoh utama ekonomi Islam seperti Abu Yusof (113 H-182 H), Ibnu Sina (370 H-428 H), al-Ghazālī (450 H- 505 H), Ibnu Rushd (520 H-595 H), Ibnu Taimiyyah (661 H-728 H), Ibnu al-Qayyim (691 H-751 H), Ibnu Khaldun (732 H- 808 H) dan tokoh yang lainnya.¹ Tidak keterlaluan jika disebut bahawa sarjana Barat juga mengakui bahawa ketokohan dan keilmuan tokoh-tokoh ekonomi Islam ini banyak menyumbang kepada perkembangan pemikiran ekonomi di Barat ketika itu.²

Imam al-Ghazali atau nama sebenarnya Muhammad bin Muhammad al-Ghazali merupakan tokoh pemikir ekonomi Islam yang tersohor di kalangan cendekiawan Islam dan Barat. St. Thomas Aquinas (1225-1274) tokoh pemikir ekonomi dari Itali antara tokoh yang banyak mengambil manfaat dari pemikiran al-Ghazali menerusi gurunya Albertus Magnus (1206-1280) dan rakan yang sezaman dengannya Raymond Martin (d.1285).³

Keistimewaan al-Ghazali berbanding tokoh-tokoh lain di zamannya ialah pandangan yang bukan sahaja mencakupi bidang perundangan dan mazhab, sebaliknya pandangannya terbina daripada gabungan ilmu-ilmu utama Islam seperti akidah, fiqah dan tasawwuf serta digunapakai pada kebanyakan bidang-bidang fardu kifayah seperti pekerjaan duniawi kerana berteraskan falsafah bahawa kesemua jenis ilmu adalah berteraskan keislaman.⁴ Secara ringkasnya, pemikiran

¹ A.A Islahi and S.M Ghazanfar, *Economic Thought of al-Ghazali*, (Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdul Aziz University, 1998).

² Pierce Butler, “*Fifteenth Century Editions of Arabic Authors in Latin Translation*,” in the McDonald Research Volume, (New York: Freeport, 1933), 63.

³ George Sarton, *Introduction to the History of Science*, (New York: Williams & Wilkins, 1931), 914.

⁴ `Alī bin Muhammad al-Ṣallābī, *Al-Imam al-Ghazali* (Beirut: Dar al-Makrifah, 2006), 87.

tarbiah pendidikan beliau menyentuh empat aspek merangkumi pemantapan akidah, pendidikan hati dan jiwa, perundangan serta amanah dan tugas kemanusiaan.⁵

PEMIKIRAN EKONOMI AL-GHAZALI: SEKILAS PANDANGAN

Karya utama yang menjadi rujukan pemikiran ekonomi beliau ialah karya agungnya *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kitab ini dibahagikan kepada empat seksyen utama iaitu seksyen perihal *al-'ibādat*, *al-'ādat*, *al-muhlikat* (perkara yang merosakkan) dan *al-munjiyat* (perkara yang menyelamatkan). Menurut Tubagus et al. (2015) tema utama pemikiran ekonomi al-Ghazali boleh dikategorikan kepada tiga:

- i. Konsep wang.
- ii. Fungsi kebajikan sosial
- iii. Permintaan, penawaran, harga dan keuntungan.

Manakala A.A Islahi and S.M Ghazanfar (1998), empat kategori utama pemikiran utama al-Ghazali ialah:

- i. Pertukaran sukarela dan evolusi pasaran.
- ii. Aktiviti-aktiviti produksi serta peringkat dan hierarki dan peringkatnya.
- iii. Sistem barter dan evolusi duit.
- iv. Peranan kerajaan dan negara serta kewangan awam.

Menerusi karya yang hebat ini, al-Ghazali bukan sahaja membahaskan tema-tema di atas secara berasingan, sebaliknya dia mengaitkan kesemua itu dengan prinsip-prinsip asas kehidupan dalam pelbagai aspek. Hal ini dirangkumkan dalam tujuh perkara utama:

- i. Perkaitan antara kegiatan ekonomi dan hari Akhirat.
- ii. Ketidacukupan keperluan hidup.
- iii. Keperluan ekonomi dan tidak serta tingkatan hierarkinya.
- iv. Kekayaan dan kemiskinan.

⁵ *Ibid.*

- v. Perkongsian dan kesamaan kekayaan.
- vi. Bermewah-mewahan dan kedekut.
- vii. Kerjasama ekonomi dan kemiskinan secara sukarela.⁶

Menurut beliau lagi pembangunan ekonomi adalah sebahagian daripada tugas sosial yang telah ditetapkan oleh Allah yang perlu dilaksanakan oleh hamba Allah yang beriman dengan tiga niat yang utama iaitu memenuhi keperluan hidup, kesejahteraan keluarga juga untuk membantu insan yang memerlukan.⁷

Al-Ghazali juga menilai dengan kritis fungsi pasaran dan nilainya menerusi pemerhatian serta analogi yang mudah difahami berdasarkan kepada pekerjaan dan kedudukan sosial masyarakat di zamannya. Jenis pengeluaran, hierarki pekerjaan, pengkhususan serta tahap pengeluaran adalah perkara yang perlu dititikberatkan oleh sesebuah kerajaan bagi memastikan keseimbangan antara permintaan dan penawaran juga merupakan kewajipan sosial yang perlu dilaksanakan.⁸

Huraian kepada topik yang diutarakan oleh al-Ghazali di atas kemudiannya disimpulkan dengan beberapa kesimpulan. Menurut beliau, seorang Muslim itu hendaklah memperbetulkan matlamatnya untuk mencari dan mengumpulkan harta dengan cara yang betul dan diredai Allah SWT. Pengumpulan harta itu juga hendaklah dikawal mengikut keperluan dan bersederhana, kemudian digunakan bukan secara bermewahan dan berkira-kira. Ringkasnya, setiap perilakunya di dalam menghasilkan, menggunakan, membelanjakan dan mengembangkan harta tersebut hendaklah disertai dengan niat kerana Allah dan bertepatan dengan Syariat.⁹

⁶ A.A Islahi dan S.M Ghazanfar, “*Economic Thought of al-Ghazali*,” 11-20.

⁷ Adiwarmar Azwar Karim, “*Ekonomi Mikro Islami*,” (Jakarta: PT.RajaGrafindo Persada, 2012), 63.

⁸ Moh. Muafi bin Thohir, “Pemikiran Imam Al-Ghazali Tentang Ekonomi Islam dalam Kitab Ihya’ Ulumuddin,” *IQTISHODUNA: Jurnal Ekonomi Islam*, 5.2 (2016), 76-93.

⁹ *Ibid.*, 20.

Konsep dan Fungsi Wang

Menyoroti pandangan beliau mengenai konsep dan fungsi wang di mana menurut al-Ghazali Allah mencipta dinar dan dirham sebagai alat pengukur nilai kepada barangan yang ingin kita miliki. Memandangkan ia berfungsi dengan baik sebagai pengukur nilai yang diterima umum, wang tidak sepatutnya dijadikan sebagai subjek di dalam transaksi kerana ia hanya akan merosakkan fungsi serta keseimbangan penggunaannya di dalam pasaran.¹⁰ Al-Ghazali menerangkan lagi, memandangkan wang itu sendiri kukuh dan dipercayai, maka memilikinya adalah syarat kepada pemilikan segala perkara yang boleh dibeli. Ia diibaratkan seperti cermin yang boleh memberi gambaran kepada semua perkara namun cermin tersebut bukanlah matlamat yang perlu dimiliki kerana ia cuma berfungsi sebagai perantaraan. Beliau menegaskan lagi wang dicipta sebagai hakim dan pemutus harga yang perlu berlegar dari tangan ke tangan yang lain di dalam memenuhi keperluan manusia kepada barangan dan perkhidmatan.¹¹

Memahami peri pentingnya fungsi dan peranan wang kepada manusia, beliau menempelak tindakan manusia menyimpan dan menghalang penggunaan wang kerana ia hanya akan mendatangkan kesukaran serta menghalang keperluan mereka dengan hujah yang diambil dari Al-Quran di dalam Surah al-Taubah ayat 34 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli ugama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (ugama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”¹²

¹⁰ Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Ma`rifah, t.t), 4:91.

¹¹ *Ibid.*

¹² Terjemah Bahasa Melayu oleh Syeikh Abdullah Basmeih.

Beliau juga menyentuh mengenai penggunaan wang yang tidak asli emas atau perak yang dinamakan sebagai *al-magsyūsyah* atau yang palsu. Penggunaan wang sedemikian boleh menjurus ke arah *jahalah* atau ketidaktahuan kandungan emas atau perak sekaligus merosakan jual beli yang menggunakannya melainkan ia sememangnya matawang yang digunakan secara meluas di dalam negeri atau kawasan tersebut.¹³

Di dalam skop ini, jelas al-Ghazali berpegang kepada konsep '*al-uruf wa al-ādat*' atau adat dan uruf setempat pada perkara yang pada asalnya dilihat seperti *jahālah* tetapi diterima kerana adat setempat. Pandangan beliau ini sejajar dengan ideanya di dalam kitab *al-Wasīṭ fī al-Madhhab* contohnya pada bentuk *ihyā' al-mawāt* atau menghidupkan tanah di mana '*uruf* itu akan menentukan bentuk-bentuk tindakan boleh dianggap seperti *ihyā'*'.¹⁴ Menurut beliau lagi, '*uruf* juga berperanan di dalam menentukan sesuatu perkara yang umum atau subjektif sama ada ia di dalam akad atau aplikasi yang lain.¹⁵ Penggunaan kaedah '*uruf* lebih diberikan keutamaan sekiranya terdapat pertentangan dengan makna bahasa sesuatu perkara tersebut.¹⁶ Perbincangan al-Ghazali di dalam urusan matawang boleh dibahagikan kepada tiga natijah:

- i. Pengharaman menyorokkan matawang yang menjadi kegunaan harian rakyat.
- ii. Pengharaman riba yang jelas diharamkan di dalam Al-Quran, hadis dan juga ijmak ulama.
- iii. Perdagangan matawang.

Al-Ghazali menyimpulkan ketiga-tiga aktiviti di atas boleh mengancam kestabilan pasaran di mana ia boleh mengakibatkan ketidakcukupan bekalan matawang yang berpotensi mewujudkan inflasi atau deflasi, kekurangan medium pertukaran barangan sementara dalam jangka panjang boleh mewujudkan jurang antara masyarakat dengan yang kaya akan menguasai pasaran kerana memiliki lebihan

¹³ Al-Ghazālī, "*Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*," 2:69.

¹⁴ Al-Ghazālī, "*Al-Wasīṭ fī al-Madhhab*," 4:225.

¹⁵ *Ibid.*, 5:337.

¹⁶ *Ibid.*, 5:451.

wang manakala yang miskin atau sederhana sentiasa terhimpit dengan kekurangan.¹⁷

Peranan Kerajaan Dan Negara Serta Kewangan Awam.

Hubungan baik al-Ghazali serta kerajaan di zamannya adalah perkara yang nyata sehingga beliau mengarang kitab bertajuk ‘al-Tabr al-Masbūk fī Naṣīhat al-Mulūk’ yang menyenaraikan nasihat khusus kepada pemerintah di dalam melaksanakan Amanah Allah SWT. Beliau juga melihat peranan kerajaan yang penting di dalam mewujudkan keseimbangan penghasilan pendapatan bagi keperluan hidup memandangkan manusia itu ada kalanya boleh dikuasai oleh sifat-sifat negatif seperti sifat kehaiwanan yang boleh merosakkan keharmonian antara manusia.¹⁸

Imam al-Ghazali melihat pemimpin adalah satu tanggungjawab dan jawatan yang besar di dalam memastikan kestabilan ekonomi dan pergerakan sosial masyarakat berfungsi dengan baik. Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi senarai nasihat yang beliau rakamkan di dalam kitab ‘al-Tabr al-Masbūk yang ditujukan khas kepada pemimpin. Antaranya ialah:

- i. Menyedari kepentingan kepimpinan yang adil di dalam pentadbiran sesebuah negara yang membawa kebaikan dan kebahagiaan yang bepanjangan.
- ii. Sebarang tindak tanduk pemimpin itu perlu mendapat pandangan dan nasihat dari para ulama yang soleh.
- iii. Mendidik setiap orang bawahannya untuk berlaku adil dan menyebarkannya serta menghalang segala bentuk kezaliman berleluasa.
- iv. Beriltizam dengan sifat kemuliaan dengan amanah dan kuasa yang diberikan.
- v. Tidak melebihi diri sendiri dengan nikmat dan kelebihan berbanding rakyat di bawahnya.

¹⁷ Tubagus Thresna Irijanto et al. “Al-Ghazali’s Thought of Economic Growth Theory: A Contribution with System Thinking,” *Scientific Journal of PPI-UKM*, (2015), 233-240.

¹⁸ Al-Ghazālī, “*Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*,” 119.

- vi. Sentiasa bersedia untuk membantu dan menjawab keperluan rakyat, dan tidak sesekali menanggukuhkan keperluan mereka.
- vii. Tidak melebihi diri sendiri dengan perkara kemewehan sebaliknya menghiasi diri sifat al-qana'ah.
- viii. Menjadikan kesantuan, kesopanan dan saling memaafkan itu sebagai sifat utama di dalam menyantuni setiap manusia.
- ix. Berusaha untuk mengembirakan rakyat dengan cara yang bertepatan dengan rakat Syarak.
- x. Tidak sesekali mendahulukan kepentingan manusia yang bertepatan dengan Syarak.¹⁹

Sehubungan dengan perkara di atas, menurut al-Ghazali lagi, kerajaan sewajarnya menumpukan sepenuh perhatian dan tenaga di dalam memperkasakan undang-undang dalaman dari ancaman luar yang boleh mengganggu gugat kestabilan negara. Oleh yang demikian, kerajaan perlu mewujudkan satu kekuatan ketenteraan bagi melindungi kepentingan mereka yang berada di dalam negara serta menjamin kebebasan dan keselamatan mereka untuk bekerja di dalam industri bagi memenuhi keperluan hidup. Hal ini sudah pasti akan mengasingkan petugas keselamatan tersebut dari terlibat secara lansung di dalam perekonomian sebaliknya tugas mereka adalah lebih utama kerana merekalah yang menjaga kestabilan aktiviti ekonomi di dalam negara.²⁰

Perbincangan mengenai peranan kerajaan serta keperluan di dalam tingkatan hierarki masyarakat telah membuka satu ruangan bagi al-Ghazali untuk mengulas mengenai perbezaan antara miskin dan kaya. Menerusi perbincangan tersebut, beliau menyimpulkan bahawa mengumpulkan kekayaan itu bukanlah satu tindakan yang tercela sebaliknya ia merupakan satu fitrah bagi mencapai prestasi terbaik seseorang itu di dalam berusaha.²¹ Sekiranya pekerjaan pengumpulan harta tersebut menjadi perantaraan yang membolehkan mereka untuk menunaikan sesuatu kewajipan, maka ia juga merupakan satu ibadah.²²

¹⁹ Al-Ghazālī, “*Al-Tabr al-Masbūk fī Naṣīhat al-Mulūk*,” 14-28.

²⁰ *Ibid.*, 44.

²¹ Saprin Manurung, "The Concept of Economic Development in the Thought of Selected Muslim Scholars," *Tazkia Islamic Finance and Business Review*, 7.2 (2012).

²² A.A Islahi dan S.M Ghazanfar, “*Economic Thought of al-Ghazali*,” 15.

Al-Ghazali menyimpulkan nasihatnya kepada para pemimpin untuk berlaku adil, memiliki pertimbangan yang wajar dan relevan, kesungguhan dan pengorbanan, memenuhi keperluan rakyat, meminta nasihat hukama dan ulama serta menjaga adab di dalam memimpin bagi mewujudkan negara yang stabil terutamanya dari sudut ekonomi dan kewangan.

Kewangan Awam dan Cukai

Al-Ghazali mengkritik kaedah pendapatan dan penghasilan sumber kewangan negaranya ketika itu yang dilihat ‘tidak mengikut syari’ah’ dan hanya mengikuti budaya dan adat cukai yang diwarisi turun-temurun. Selain itu, pendapatan lain yang halal tidak diperkasakan seperti zakat, *jizyah*, *fai*’ dan *ghanīmah*, jika ada pun ia dikutip dengan pelbagai cara yang ditegah. Sementara itu, cukai pula dikenakan dengan pelbagai nama dan jenama yang juga melibatkan pengambilan hak rakyat secara zalim dan rasuah.²³

Pengenaan cukai tambahan kepada rakyat, al-Ghazali melihat ia adalah harus sekiranya pendapatan negara tidak mencukupi untuk menghadapi gangguan dan ancaman dari pihak luar yang boleh mengancam keharmonian negara. Dalam hal ini beliau mencadangkan kerajaan supaya memberikan pertimbangan yang wajar di dalam percukaian serta kaedah perlaksanaannya mengikut keperluan dan kepentingan.

Pemikiran sosio ekonomi Al-Ghazali pula berkonsepkan fungsi kesejahteraan sosial.²⁴ Konsep ini merangkumi kesemua aktiviti manusia di mana ia meliputi hubungan yang kuat antara individu dan masyarakat. Kesejahteraan sosial adalah syarat untuk memenuhi keperluan meterial, dan rohani di mana masyarakat dapat hidup dengan aman apabila fungsi sosial ini dipraktikkan. Tema yang menjadi asas karya Imam al-Ghazali ialah konsep *maṣlahat* untuk kebaikan bersama.

²³ Al-Ghazālī, “*Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*,” 139.

²⁴ Moh. Muafi bin Thohir, “Pemikiran Imam Al-Ghazali Tentang Ekonomi Islam dalam Kitab *Ihya’ Ulumuddin*,” *IQTISHODUNA: Jurnal Ekonomi Islam*, 5.2 (2016), 76-93.

Konsep *maslahat* ini merangkumi kesemua aktiviti manusia serta ia menekankan hubungan yang erat antara individu dengan masyarakat.

Pendirian al-Ghazali di dalam isu di atas jelas terbina di atas prinsip *maṣlaḥah al-mursalah*. Menurut beliau, *maṣlaḥah al-mursalah* tidak seperti *maṣlaḥah* yang diakui secara jelas kerana ia perlu dilihat dari sudut kekuatan keperluannya sama ada *ḍarūriyyāt*, *hājiyyāt* atau *taḥsīniyyāt*, serta *maṣlaḥat* dan kebarangkalian untuk menolak *mafsadah*, kemudian bagaimana *maṣlaḥat* tersebut memenuhi objektif syarak. Memandangkan Syarak sentiasa bermatlamat untuk membawa kebaikan kepada makhluk, tiada sebarang hukum yang hakikatnya bertentangan dengan tabiat manusia dan segalanya dianjurkan demi kebaikan mereka.²⁵

Menerusi kitab *al-Mustaṣfā*, al-Ghazali menegaskan bahawa penolakan *mafsadah* adalah pertimbangan yang perlu diutamakan berbanding mencipta *maṣlaḥat*.²⁶ Mengenakan cukai kepada rakyat demi menjaga keselamatan mereka adalah *maṣlaḥat* disamping menepis kebarangkalian *mafsadah* dari pihak luar. Tidak dinafikan *mafsadah* boleh berlaku kepada rakyat yang perlu membayar cukai yang lebih, tetapi *mafsadah* yang berbentuk ancaman dari pihak luar adalah lebih besar mudaratnya kepada rakyat. Justeru, beliau cenderung mengharuskan cukai tersebut sekalipun ia tidak dinyatakan secara khusus menerusi nas atau mafhum tetapi ditegaskan oleh fahaman berasaskan *mafsadah*.

Al-Ghazali mengkategorikan *maṣlaḥah al-mursalah* sebagai *al-Uṣūl al-mawhūmah* (prinsip yang terbina atas sangkaan yang lemah) memandangkan ia bukanlah sumber pendalilan utama di dalam mazhab Syafi'e. Walau bagaimanapun, sekiranya *maṣlaḥah* yang dijangkakan itu adalah berlandaskan kepada penjagaan maqasid Syari'ah yang lima ia dikira sebagai sebagai satu prinsip yang bertepatan dengan Al-Quran, Sunnah dan ijmak. Walhasil, *maṣlaḥah al-mursalah* bukan lagi semata-mata terbina di atas agakan atau jangkaan sebaliknya ia adalah hujah

²⁵ Al-Ghazali, "*Al-Mustaṣfā*," 174-175.

²⁶ *Ibid.*, 176.

yang membina hukum-hakam lain yang bermatlamatkan penjagaan kepada maqasid tersebut.²⁷

Di dalam kitab al-Wasīṭ, al-Ghazali cenderung menyerahkan pertimbangan *maṣlahat* dan *mafsadah* kepada kebijaksanaan pemimpin mengikut kepada keadaan dan individu sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.²⁸ Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang bermaksud segala *taṣarruf* seorang pemimpin adalah berdasarkan kemaslahatan kepada rakyatnya.²⁹ Menjadikan *maṣlahat* sebagai penentu di dalam urusan yang melibatkan kebaikan dan manfaat kepada rakyat adalah pendirian para fuqaha mazhab Syafi'e yang lain seperti Syeikh al-Islam Zakariya al-Ansori dan Khotib al-Syarbini.³⁰

Pinjaman Kerajaan daripada Rakyat

Al-Ghazali adalah antara tokoh yang menyebut dengan jelas berkaitan pinjaman kerajaan daripada rakyat sekiranya di dalam keadaan tertentu. Beliau melihat kerajaan diharuskan untuk meminjam sekiranya pinjaman tersebut adalah untuk menampung keperluan perbelanjaan kerajaan dengan syarat jumlah tersebut boleh dibayar semula menggunakan hasil yang akan dijana kelak.³¹

Tiga agenda utama yang diberi penekanan oleh al-Ghazali di dalam memperuntukkan belanjawan kerajaan ialah pemeraksanaan keadilan dalam negara, keselamatan negara dan kelestarian kehidupan masyarakat.³² Beliau menggesa pemimpin supaya merancang dan bertindak dengan penuh bijaksana, mendampingi ilmuwan dan ulamak untuk meminta pendapat dan pandangan di dalam urusan pemerintahan

²⁷ Al-Ghazālī, “*Al-Mustasfā*,” 179.

²⁸ Al-Ghazālī, “*Al-Wasīṭ fī al-Madhhab*” 6: 514.

²⁹ Jalāluddīn Abdul Rahman al-Suyūfī, *Al-Asybah wa al-Naz'ir*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 121.

³⁰ Zakariyyā bin Muhammad al-Anṣārī, *Al-Ghurar al-Bahiyyah fī Syarḥ al-Bahjah al-Wardiyyah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 3:360; Muhammad bin Ahmad al-Khaṭīb al-Syirbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 3:508.

³¹ A.A Islahi dan S.M Ghazanfar, “*Economic Thought of al-Ghazali*,” 53.

³² *Ibid.*, 54.

supaya, meminggirkan orang zalim, memenuhi keperluan dan permintaan rakyat.³³

Al-Ghazali juga memperingatkan kerajaan dan penggubal undang-undang supaya mengambil kira kemampuan rakyat di dalam pengenaan cukai dan bayaran kepada mereka dengan penetapan masa dan waktu yang sesuai, bilangan dan kadar yang berpatutan. Pemerintah juga disaran untuk menjalankan peranan seperti penjaga yang amanah, sentiasa menjaga kepentingan dan keperluan rakyat, tidak mengambil harta yang tidak diperlukan dan berusaha memberikan faedah dan manfaat kepada rakyat sebagai gantian dari cukai yang dikenakan.³⁴

Secara umumnya, kitab *al-Tabr al-Masbūk* banyak mengandungi nasihat yang ditujukan kepada kerajaan khususnya di dalam urusan pemerintahan yang berkait rapat dengan hubungan antara pemerintah dan rakyat. Pengurusan ekonomi yang bersifat adil, inklusif dan berstruktur adalah kriteria yang perlu ada bagi sesebuah negara yang ingin merealisasikan kesejahteraan dan keharmonian.

KONSEP FIQH DI DALAM PEMIKIRAN EKONOMI AL-GHAZALI

Imam al-Ghazali menyusun pandangan ekonominya berasaskan kaedah berijtihad sebagaimana yang diriwayatkan dari Imam al-Syafi'e dengan memberikan pendapat berdasarkan hierarki dalil di dalam Islam. Turutan yang bermula dengan Al-Quran, khabar yang mutawatir, kemudian yang *aḥad*, zahir lafaz di dalam Al-Quran dan hadis sebelum diikuti dengan pentakhsisan menerusi *qiyās*. Setelah itu, baharulah seorang mujtahid itu akan meneliti kalam fuqaha mazhab dengan mendahulukan apa yang telah disepakati. Pendekatan *qiyās*, kaedah-kaedah *kulliyyah* dan *juziyyah*, *qiyās mukhayyal* dan *qiyās syabah* adalah turutan yang perlu diraikan bagi seorang mujtahid di dalam memberikan pandangan pada sesuatu isu.³⁵

³³ Al-Ghazali, "*Al-Tabr al-Masbūk fi Nasīhat al-Mulūk*," 77.

³⁴ *Ibid.*, 88.

³⁵ Al-Ghazālī, "*Al-Mankhūl min Ta'liqāt al-Uṣūl*," 575-576.

Penggunaan *qiyās* atau analogi yang dipamerkan oleh al-Ghazali di dalam mengilustrasi kaitan antara ejen-ejen ekonomi seperti pekerjaan, buruh dan penghasilan adalah salah satu konsep fiqh di dalam penggunaan kaedah *qiyās*. Sekalipun, rukun-rukun *qiyās* seperti *'illah*, *aṣl* dan *far'u* tidak dinyatakan di dalam gambaran tersebut, ia tetap memperlihatkan kepada pembaca proses kognitif yang cuba ditunjukkan oleh al-Ghazali di dalam menghubungkan perkara yang boleh dilihat dengan perkara pemikiran ekonomi yang hanya boleh difahami.

Tidak dinafikan meraikan dan mengambil kira *'urf* adalah satu konsep yang dipegang oleh al-Ghazali. Walau bagaimanapun, beliau menggunakan konsep ini dengan manhaj yang teratur sebagaimana yang diterangkan di dalam al-Mankhūl:

“Penggunaan *'urf* semata-mata tidak mampu untuk menjadikan sesuatu yang dimaklumi atau diiktiraf sebaliknya ia memerlukan kepada dalil lain yang mengukuhkannya...jika tidak ia cumalah satu pandangan yang terbina di atas sangkaan yang lemah.”³⁶

Sehubungan dengan itu, *'urf* syarak itu lebih diutamakan berbanding *'urf wadhī* terutamanya apabila ia melibatkan ibadat yang disuruh oleh syarak. Sekiranya perkara tersebut tidak memiliki *'urf* syarak baharulah ia akan berpindah kepada yang *wadhī*.³⁷

Mafsadah dan kemudaratan adalah kriteria utama yang menyumbang kepada pengharaman riba dan *iḥtikār*.³⁸ Pendirian beliau dalam hal ini juga ditegaskan ketika mengulas bahaya riba, manipulasi dan eksploitasi matawang yang boleh membahayakan pasaran. Menolak mafsadah dan kerosakan adalah satu masalah selagi mana ia bertujuan untuk memelihara agama, diri, akal, nasab dan harta.³⁹

³⁶ *Ibid.*, 303.

³⁷ Al-Ghazālī, “*Al-Mustasfā*,” 223.

³⁸ Al-Ghazālī, “*Al-Wasīf fī al-Madhhab*,” 3:68.

³⁹ Al-Ghazālī, “*Al-Mustasfā*,” 174.


Pertimbangan *maṣlahah* dan *mafsadah* yang ditunjukkan oleh al-Ghazali bertepatan dengan pendapat yang diutarakan oleh al-Syātibī menerusi kitabnya *al-Itiṣām*:

“Sekiranya kita menetapkan bahawa pemimpin yang berdaulat itu memerlukan kepada belanjawan tambahan bagi memperkukuhkan ketenteraan bagi menjaga sempadan negara yang luas, sedangkan dana kerajaan (baitulmal) tidak mencukupi untuk menampung keperluan ketenteraan, harus bagi pemimpin tersebut untuk mengarahkan orang yang berharta atau berkemampuan untuk menyumbang harta mereka kepada kerajaan bagi menampung keperluan tersebut... mengenakan cukai kepada rakyat tidak berlaku di kurun-kurun sebelum ini kerana kecukupan dana kerajaan berbanding apa yang kita alami ketika ini. Keharusannya adalah jelas berasaskan kemaslahatan tersebut, jika tidak kerajaan akan menjadi lemah sekaligus mendedahkan negara kepada penjajahan golongan kafir...”⁴⁰

Pendekatan yang dipegang oleh al-Ghazali apabila berhujah dengan masalah walaubagaimanapun berbeza dengan konsep masalah mursalah yang diamalkan oleh Malikiyyah. Al-Ghazali menjelaskan Syafi’iyyah sentiasa mengutamakan penolakan mafsadah dan penerimaan masalah yang pernah wujud di zaman Sahabat Nabi SAW sekalipun ia tidak diputuskan atau dilaksanakan.⁴¹

⁴⁰ Ibrāhīm bin Mūsā al-Syātibī, *Al-Itiṣām*, (Kaherah: Dār Ibnu ‘Affān, 1992), 2:619

⁴¹ Al-Ghazālī, “*Al-Mankhūl min Ta’līqāt al-Uṣūl*,” 467.



Rajah 1: Konsep *Fiqh* dalam Pemikiran Ekonomi al-Ghazali.

KESIMPULAN

Pemahaman dan konsep *fiqh* al-Ghazali amat mempengaruhi pemikiran ekonomi beliau. Hal ini dibuktikan ketika beliau mengomentari perkara yang berkaitan dengan hukum dan pandangan syarak seperti riba, perdagangan wang dan percukaian. Konsep *fiqh* tersebut termasuk *qiyās*, pemakaian *'urf*, pertimbangan *maṣlahah* dan *mafsadah*, *sadd al-zarā'i* dan lainnya. Penguasaan *fiqh* yang mendalam dan luas amat membantu beliau di dalam menghurai dan menjelaskan realiti ekonomi yang berlaku di zamannya serta mencadangkan solusi terbaik bagi mewujudkan kesejahteraan masyarakat menerusi keadilan ekonomi dan pengagihan harta.

LIMITASI KAJIAN

Skop yang ditumpukan di dalam artikel ini tidak mencakupi keseluruhan pemikiran ekonomi al-Ghazali memandangkan skopnya amatlah luas menghubungkan ekonomi dan sosial serta bidang politik dan pemerintahan. Kertas ini juga hanya menilai penggunaan konsep

al-‘urf, maṣlahah dan *mafsadah* pada topik yang berkaitan dengan ekonomi di dalam karya-karya al-Ghazali.

RUJUKAN

- A.A Islahi dan S.M Ghazanfar, *Economic Thought of al-Ghazali*, Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdul Aziz University, 1998.
- Adiwarman Azwar dan Karim, *Ekonomi Mikro Islami*, Jakarta: PT.RajaGrafindo Persada, 2012.
- Al-Anṣārī, Zakariyyā bin Muhammad, *Al-Ghurar al-Bahiyyah fī Syarḥ al-Bahjah al-Wardiyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Ma`rifah, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad, *Al-Mankhūl min Ta`līqāt al-Uṣūl*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu`āṣir, 1998.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad, *Al-Mustaṣfā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad, *Al-Tabr al-Masbūk fī Naṣīhat al-Mulūk*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad, *Al-Wasīṭ fī al-Madhhab*, Kaherah: Dār al-Salām, 1997.
- Al-Suyūṭī, Jalāluddīn Abdul Rahman, *Al-Asybah wa al-Nazā`ir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.
- Al-Ṣallābī, `Alī bin Muhammad, *Al-Imām al-Ghazālī*, Beirut: Dār al-Ma`rifah, 2006.
- Al-Syirbīnī, Muhammad bin Ahmad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma`rifat Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Al-Syātibī, Ibrāhīm bin Mūsā, *Al-‘Itiṣām*, Kaherah: Dār Ibnu ‘Affān, 1992.
- George Sarton, *Introduction to the History of Science*, New York: Williams & Wilkins, 1931.
- Manurung, Saprinah. "The Concept of Economic Development in the Thought of Selected Muslim Scholars." *Tazkia Islamic Finance and Business Review* 7.2 (2012).

Thohir, Moh. Muafi bin. “Pemikiran Imam Al-Ghazali Tentang Ekonomi Islam dalam Kitab *Ihya’ Ulumuddin*,” *IQTISHODUNA: Jurnal Ekonomi Islam*, 5.2 (2016), 76-93.

Tubagus Thresna Irijanto et al. “Al-Ghazali’s Thought of Economic Growth Theory, A Contribution With System Thinking,” *Scientific Journal of PPI-UKM*, (2015), 233-240.